


NA<sup>08</sup>SDEC

*“Pembangunan Pelajar Ke Arah Modal Insan Terbilang”*



PERSIDANGAN  
PEMBANGUNAN PELAJAR  
PERINGKAT  
KEBANGSAAN **2008**

22-23 Oktober 2008  
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

PROSIDING

Penganjur :



PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



INSTITUSI PEMBANGUNAN FELO  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan Kerjasama :



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
MALAYSIA

Pengurus Acara :



SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL  
DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# Kegiatan Kokurikulum Bukan Punca Prestasi Akademik Pelajar Menurun: Kajian Kes Pelajar Kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia

Abdul Majid Ismail<sup>a,1</sup>, Safiah Ahmad<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Pensyarah, Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan USM;  
Jurulatih Kokurikulum Kebudayaan USM

<sup>b</sup>Guru Bahasa, Pusat Bahasa & Terjemahan, USM

<sup>1</sup>Emel: [abmajid@usm.my](mailto:abmajid@usm.my)

## Abstrak

Kertas kerja ini menyimpulkan polemik yang berterusan dalam kalangan pentadbir akademik (Dekan & Timbalan Dekan) institusi pengajian tinggi (IPT) yang kerap kali membuat keputusan berdasarkan persepsi negatif dan berpaksikan isu terencil tanpa analisis yang berlandaskan fakta yang jelas dan sahih. Kes-kes kemerosotan prestasi akademik segelintir pelajar kokurikulum lazim dijadikan alasan utama untuk menidakkan sumbangan positifnya dan kerap dijadikan alasan untuk menghalang pelajar menyertai kegiatan ini. Untuk melihat isu ini secara objektif dan akademik satu kajian kes terhadap para pelajar yang menyertai sebuah kegiatan kokurikulum kebudayaan di USM telah dijalankan selama tiga sidang pengajian secara berturut-turut. Purata Jumlah Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang diperoleh setiap pelajar dijadikan asas untuk melihat gaya keseluruhan prestasi akademiknya. Penemuan kajian ini mendapati prestasi keseluruhan pelajar yang menyertai kokurikulum ini pada tiga tahap pembelajaran iaitu tahun satu, dua dan tiga adalah normal. Secara khusus pula prestasi sebahagian pelajar di tahap tahun tiga adalah amat baik dan terdapat sebilangan pelajar yang memperoleh sijil Dekan walaupun tidak dapat dikesan menerusi PNGK, tetapi direkodkan menerusi PNG tahun berkenaan. Secara berurutan pula, pelajar yang dikesan baik prestasi akademiknya pada peringkat awal didapati akan terus berkecualan baik dan meningkat ke tahap cemerlang. Sementara itu terdapat juga pelajar yang agak lemah prestasi akademiknya diperingkat awal tetapi terus aktif dalam kegiatan ini telah dapat meningkatkan prestasi akademiknya pada tahun berikutnya dan cemerlang pada tahun akhir pengajian. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa polemik berdasarkan persepsi negatif ini wajar dihentikan dan kegiatan kokurikulum sebenarnya tidak boleh dijadikan alasan utama menurunnya prestasi akademik pelajar malahan ia memberikan nilai tambah apabila majoriti pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum juga cemerlang prestasi akademiknya.

**Kata kunci:** Kegiatan kokurikulum, prestasi akademik, persepsi, cemerlang, normal.

## 1.0 Pengenalan

Keterampilan para graduan selain prestasi akademik lepasan IPT mula dijadikan syarat tambahan oleh para majikan apabila bekalan graduan amat berlebihan di pasaran pekerjaan akhir-akhir ini. Para majikan mula melihat pelbagai nilai tambah seumpama kemahiran berkomunikasi, keterampilan personaliti, kebolehan bergaul atau bekerja secara berkumpulan, keupayaan menangani tekanan berlebihan dan keupayaan membuat keputusan di samping prestasi akademik yang baik. Malangnya, para pentadbir akademik di kebanyakan IPT awam masih lagi dikekang oleh sistem penilaian lama yang hanya tertumpu pada prestasi akademik yang dihimpun pelajar menerusi peperiksaan, walaupun anjakan telah dibuat untuk menerapkan aspek pembinaan insan lain “soft skill” yang merangkumi aspek pembentukan sahsiah dan penyemaian jati diri. Konflik untuk menentukan keutamaan penilaian prestasi pelajar seperti ini telah banyak menimbulkan pelbagai interpretasi dan tindakan susulan yang kadangkala kurang tepat pada sasarannya. Para pembuat dasar dan para pelaksana kurang memahami hasrat sebenar